

Warkah Tun M rayu pengundi Semenyah pilih calon PH

BH-03/3/2019 m/s: 2

Kuala Lumpur: Mandat dan kepercayaan yang diberikan rakyat kepada Pakatan Harapan (PH) akan digalas sebaik-baiknya dan kerajaan tidak akan mensia-siakan usaha memastikan tadbir urus negara dan kebajikan rakyat terjamin, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Ya, saya akui memang terdapat banyak kelemahan dalam pentadbiran kerajaan. Banyak yang perlu diperbaiki dan diperbetul,” katanya semalam dalam warkah menerusi Facebook untuk pengundi Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyah.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH, merayu pengundi Semenyah untuk memilih calon PH, Muhammad Aiman Zainali pada hari pengundian Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Semenyah, hari ini.

Beliau berkata, dengan memilih calon PH iaitu parti yang membentuk kerajaan pada peringkat persekutuan dan negeri, penduduk Semenyah bakal mempunyai seorang wakil rakyat yang dapat menjalankan peranan dengan lebih berkesan.

Suarakan hasrat penduduk

+ “Ini termasuklah menyuarakan hasrat penduduk Semenyah mengenai keperluan pembangunan infrastruktur, pendidikan, perkhidmatan kesihatan, kebajikan, pekerjaan, pertanian dan kemajuan ekonomi setempat untuk perhatian serta tindakan lanjut oleh kerajaan negeri dan persekutuan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun PRK DUN Semenyah itu tidak membawa perubahan kepada kerajaan, beliau percaya pengundi sudah matang dan akan memilih wakil rakyat yang bersih, cekap, amanah dan berintegriti untuk memberikan khidmat terbaik khususnya kepada penduduk Semenyah.

Beliau berkata, dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), 9 Mei tahun lalu, pengundi Semenyah membuat pilihan yang tepat dengan mengundi PH dan hasilnya, pemerintahan kleptokrat Barisan Nasional (BN) berjaya ditumbangkan.

BERNAMA